

PRAKTIS CAKNA TATABAHASA

SISTEM BAHASA – PT3

BAHAGIAN A

PRAKTIS 1

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Ramai _____ yang masih menganggur kerana terlalu memilih pekerjaan yang bergaji lumayan.
A biduan C graduan
B banduan D dermawan
- “_____ akan berangkat untuk meminang Puteri Gunung Ledang pada keesokan hari, tuanku,” sembah Hang Tuah kepada Sultan Mansor Syah.
A Hamba C Baginda
B Beta D Patik
- Anggota keselamatan negara berjaya membanteras kegiatan _____ lanun yang sentiasa mahu mencero boh perairan negara.
A pasukan C angkatan
B gerombolan D kumpulan
- Pada 16 hari bulan Mei setiap tahun, kita meraikan Hari Guru sebagai tanda _____ kepada para guru yang mendidik kita.
A peringatan C pengorbanan
B penghargaan D penghormatan
- Nama penyanyi terkenal itu Aminah tetapi beliau lebih dikenali dengan nama _____ Amy.
A pena C samaran
B julukan D timangan
- “Pilihlah _____ ahli yang sanggup memberi komitmen untuk menyiapkan tugas berkumpulan ini,” kata Cikgu Dahari kepada murid-muridnya.
A apa-apa C siapa-siapa
B mana-mana D bila-bila
- Kakak saya yang fasih bertutur dalam bahasa Jerman telah dilantik sebagai _____ di sebuah syarikat antarabangsa yang berpangkalan di negara kita.
A juruulas C jurubahasa
B juruacara D jururunding
- Para saintis telah menjalankan _____ bagi mencari penawar penyakit berbahaya, Coronavirus yang telah melanda masyarakat dunia.
A pemerhatian C pemeriksaan
B penyelidikan D penelitian
- Pasukan _____ dari Malaysia akan berlepas ke Syria untuk membantu mangsa peperangan di sana.
A cendekiawan C sukarelawan
B karyawan D setiakawan
- Pak Zain dan anaknya _____ mengerjakan kebun mereka yang sekangkang kera itu.
A bertungkus-lumus
B bermati-matian
C berdaya saing
D berlipat ganda

11. Malik menafikan _____ bahawa dia terlibat dalam kes kecurian tersebut.
A semahu-mahunya
B sekeras-kerasnya
C setidak-tidaknya
D sewenang-wenangnya
12. Pemuda itu meragut beg tangan Puan Katrina sebelum lari _____ di celah-celah orang ramai.
A lintang-pukang
B simpang-perenang
C bolak-balik
D susup-sasap
13. Pelakon yang baru memenangi anugerah pelakon terbaik itu telah _____ dengan pelbagai soalan oleh orang ramai.
A dilimpahi C dicurahi
B dibanjiri D dihujani
14. Wajah Damia yang bakal bergelar pengantin itu _____ pada malam persandingannya.
A bercahaya-cahaya
B berkilau-kilau
C berkerlip-kerlip
D berseri-seri
15. Derma dan sumbangan yang diberikan oleh orang ramai terhadap mangsa banjir _____ mampu meringankan beban mangsa yang kehilangan rumah.
A seboleh-bolehnya
B semahu-mahunya
C sedapat-dapatnya
D setidak-tidaknya
16. Pekerja-pekerja kilang kertas itu tidak akan bersurai _____ majikan mereka tidak membayar bonus kepada mereka.
A selagi C walaupun
B sehingga D tambahan
17. Para usahawan perlu mempunyai kematangan berfikir dan _____ yang tinggi untuk menjana pendapatan lumayan.
A daya maju C daya upaya
B daya saing D daya kreatif
18. Tangan emak berasa _____ setelah siap menggunting cili kering sebelum dikisar.
A perit C pijar
B pedih D pahit
19. Daun-daun pokok kelapa yang _____ ditiup angin sepoi-sepoi bahasa di tepi sawah menimbulkan suasana yang nyaman.
A terlentok-lentok
B terbuai-buai
C terayun-ayun
D terliuk-liuk
20. Pihak berkuasa tempatan telah menanam rumput di lereng-lereng bukit di sepanjang lebuh raya untuk _____ hakisan.
A menghalang C menyekat
B membanteras D menahan
21. Lembaga Disiplin Sekolah _____ jawatan pengawas yang disandang oleh Azri kerana terlibat dalam kes buli.
A melucutkan C meninggalkan
B melepaskan D meluputkan
22. Mak Mona menegur anak gadisnya kerana memakai baju dan seluar yang _____.
A kecil C besar
B sendat D longgar
23. Mulut pelakon itu _____ menghafal skrip drama sebelum penggambaran dijalankan.
A kumat-kamit C comot-momot
B herot-berot D kusut-masai